

Rafidah temui PM jelaskan isu ketua negeri

BK 16 MAY 2000

Oleh YUSWANDIMAJID

KUALA LUMPUR 15 Mei — Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung tindakannya menggugurkan sembilan Ketua Wanita negeri termasuk bekas Ketua Pergerakan itu, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

Pertemuan hampir sejam itu diadakan di Jabatan Perdana Menteri

di Putrajaya di sini petang ini. sebaik sahaja Dr. Mahathir tiba, selepas merasmikan sambutan Hari Belia Negara di Kuantan, Pahang.

Difahamkan, Rafidah telah menjelaskan secara panjang lebar berhubung tindakannya itu kepada Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO.

Rafidah dalam mesyuarat Exco yang pertama semalam, selepas Perhimpunan Agung UMNO

ke-54, telah membuat perubahan besar dengan menggugurkan sembilan Ketua Wanita UMNO negeri bagi memantapkan lagi pergerakan itu.

Pergerakan itu hanya mengekalkan tiga ketua wanita UMNO negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

● Komen Siti Zaharah — Muka 3

Tindakan Rafidah dilihat oleh penganalisis politik sebagai tidak mencerminkan aspirasi perwakilan

pada perhimpunan pergerakan itu Rabu lalu yang mahukan mereka yang tewas tidak dipinggirkan begitu sahaja demi penyatuan semula ahli.

Sementara itu di Kuantan, Pahang, Dr. Mahathir mengesahkan yang beliau akan mengadakan perbincangan dengan Rafidah hari ini.

“Saya tidak ada apa-apa nak komen,” katanya selepas merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara 2000 di sini.

Ketika ditanya sama ada tindakan Rafidah itu bertentangan dengan usaha merapatkan barisan selepas pemilihan, Dr. Mahathir berkata: “Saya akan memberi pendapat selepas ini.”

Rafidah yang ditemui di Kuala Lumpur lewat malam ini enggan mengulas lanjut hasil pertemuan dengan Presiden parti itu.

Bagaimanapun menurut beliau, barisan exco Pergerakan Wanita UMNO akan menemui Dr. Mahathir pada petang Rabu ini.